

Utusan ibaratkan Hadi dan Dr Wan Azizah bagai langit dengan bumi
Malaysian Insider
Sept 7, 2014

Akhbar milik Umno, Utusan Malaysia meneruskan sokongannya terhadap Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang apabila membezakan darjat kepimpinannya dengan Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, seperti langit dengan bumi.

Melalui rencana tulisan pengarangnya Zulkiflee Bakar, akhbar itu membandingkan kepimpinan 11 tahun Hadi menerajui PAS dengan Dr Wan Azizah yang menjadi pengasas partinya sejak 15 tahun lalu.

Zulkiflee mengulas tindakan beberapa pemimpin PKR terutamanya Setiausaha Agung Datuk Saifuddin Nasution Ismail yang kebelakangan ini dilihat menunjukkan keberanian luar biasa mengkritik kepimpinan PAS secara terbuka, termasuk menampelak Hadi.

"Kalau mahu dibandingkan kewibawaan Hadi dan Dr Wan Azizah, ia bagaikan langit dengan bumi.

"Pujian yang dihamburkan Saifuddin terhadap Dr Wan Azizah hanya akan menyebabkan anak tadika pun ketawa," katanya, hari ini.

Zulkiflee berkata, jelas tidak wajar Saifuddin cuba menjadi 'hero' kepada Dr Wan Azizah dengan memperlekehkan kewibawaan Hadi. Ia juga menunjukkan dia tidak hormat kepada pemimpin PAS - parti yang selama ini cukup banyak jasanya kepada PKR.

Katanya, Saifuddin terlupa kejayaan PKR selama ini bukan kerana Dr Wan Azizah yang menjadi 'penghias organisasi'.

"Sebaliknya, kejayaan PKR dalam pilihan raya adalah hasil sumbangan besar penyokong dan jentera PAS. Tanpa sokongan tersebut belum tentu PKR mampu terus bernafas dalam persada politik negara," katanya.

Saifuddin sebelum ini mendakwa, sokongan rakyat terhadap PAS semakin merosot sepanjang kepimpinan Hadi dengan mengambil contoh kejatuhan kerajaan itu di Terengganu, Kedah dan Perak.

Mengulas penjelasan terbuka Hadi di Marang pada Jumaat lalu, Utusan menyifatkan agak terlewat untuk ahli Parlimen Marang itu menunjukkan ketegasan selepas sekian lama PAS dilihat menjadi 'pak turut' dalam Pakatan Rakyat.

Malah, memberi isyarat PAS sudah tidak lagi mampu menjadi 'mangsa buli' dan mahu

PKR menghentikan permainan politik karut.

Namun katanya, sekurang-kurangnya pendirian Hadi itu memberi harapan baru kepada ahlinya melihat parti Islam itu benar-benar menjadi parti yang bermaruah.

Katanya, penjelasan itu juga menyebabkan ada pemimpin PAS yang berkiblatkan PKR menuduh Hadi mempunyai suara Umno atau ada niat bekerjasama dengan Umno.

Bagaimanapun, katanya, jika mereka ikhlas berkawan dengan PAS dan sentiasa menghormati pandangan pemimpin parti itu, sudah pasti PKR tidak akan membuat tafsiran sedemikian, sebaliknya akan berusaha mencari jalan menyelesaikan kekalutan yang berlaku. – 8 September, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/utusan-ibaratkan-hadi-dan-dr-wan-azizah-bagai-langit-dengan-bumi>